

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 21 RABU 21 MEI, 1969 1389 ربيع الاول 4 رايو PERCHUMA

Pengurniaan bintang2:

7 orang dapat Dato

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah mengurniakan bintang2 kebesaran Negeri Brunei dan pingat2 kapada 78 orang dalam satu istiadat yang telah berlangsung di-Lapau Bandar Brunei pada hari Sabtu 17 Mei yang lalu.

Yang Di-Muliakan Begawan Pehin Tuan Imam Awang Haji Metassim bin Mohd. Tahir telah mendahului senarai penerima dengan di-anugerahkan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia, Darjah Kedua — D.S.N.B.

Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa, Darjah Kedua — D.S.L.J. telah di-kurniakan kapada Yang Di-Muliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Awang Haji Abdullah bin Ibrahim.

Bintang yang sama juga di-kurniakan kapada Kadzi Besar Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin.

Empat orang telah di-kurniakan Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Di-Hormati, Darjah Kedua — D.P.M.B.

Mereka ia-lah Yang Di-Muliakan Pehin Tuan Imam Awang Haji Md. Yusof bin Pehin Orang Kaya Perdana Wangsa Awang Haji Mohammad, Yang Di-Muliakan Begawan Pehin Khatib Haji Metali bin Md. Yassin, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Perben-daharaan Di-Raja, Awang Haji Ali Hussein bin Khatib Awang Mohammad dan Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Perdana Indera Awang Haji Zainal bin Abdul Rahman.

Duli Yang Maha Mulia juga telah mengurniakan Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa, Darjah Ketiga — S.L.J.

(LIHAT MUKA 8)



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei ketika berangkat tiba di-Lapau untuk menyampaikan bintang2 kebesaran dan pingat2 pada hari Sabtu lepas, sementara gambar kiri: D.Y.M.M. kelihatan sedang mengalungkan Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa kapada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Haji Mohd. Zain.



Filem Pelajaran mengenai Brunei

BANDAR BRUNEI. — Dua orang pakar Surohanjaya Penyiaran Australia — ABC, Awang Peter Dye dan Awang Ian Mills telah berada di-Brunei untuk membuat penyelidikan mengenai ranchangan untuk membuat beberapa siri filem pelajaran untuk television mengenai Malaysia, Singapura dan Brunei.

Filem tersebut akan dibuat oleh Persatuan Penyiaran Asia yang mana Brunei ada-lah salah sa-buah negara anggota-nya dan akan di-usahakan oleh ABC.

Ketika berada di-sini mereka telah mengadakan per-bincangan dengan Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Awang G.V. de Freitas dan Pengarah Pelajaran Dato Seri Laila Jasa Awang Malcolm McInnes.

Apabila segala2-nya selesai nanti ABC kemudian-nya akan menghantar satu rombongan television untuk memulakan penggambaran itu.

A. M. D. B. SAMBUT HARI ULANG TAHUN

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei, akan mengadakan satu perbarisan melalui Bandar Brunei, di-iringi oleh pasokan pancharagam dan panji2 regiment, sempena menyambut ulang tahun ka-lapan penubohan-nya, pada hari Sabtu 31 Mei ini.

Semasa perbarisan, bahagian pasokan udara regiment

YANG KA-8

itu akan mengadakan satu penerbangan rendah sementara pasokan laut-nya akan melepaskan tembakkan penghormatan.

Satu pertunjokkan, termasuk senjata2 ringan, latehan, pertunjokkan oleh kompany rifle dan satu pertunjokkan

jimnastik, akan di-adakan di-padang besar.

Kapal2 pasokan laut yang pertama regiment itu, juga akan terbuka bagi lawatan orang ramai pada hari itu.

Di-sebelah malam-nya, semua anggota Pasokan Askar Melayu Di-Raja, akan mengadakan sambutan-nya di-Khemah Berakas.

Kerja memperbaiki bekalan letrik di-Bangar selesai

TEMBURONG. — Jabatan Letrik telah siap menjalankan kerja mengatorkan semula bekalan letrik di-Bangar, pekan Daerah Temburong.

Sa-orang juruchakap Jabatan Letrik berkata kerja memperluaskan bekalan dan memperbaiki bekalan yang ada sekarang juga telah siap dijalankan.

Bekalan letrik yang pertama telah di-berikan kepada khemah sharikat Gammons yang membuat jalan raya di-daerah itu.

Juruchakap itu berkata, pengluasan bekalan letrik ka-Kampong Menengah berjalan dengan baik dengan semua tiang telah di-dirikan dan sa-paroh dari kerja memasang kebal telah selesai.

Sementara itu, kerja memasang kebal bawah tanah disepanjang jalan dari Batu 8 dan Batu 10, Jalan Tutong dan Kampong Mulaut berjalan dengan baik menurut jadual.

Ini ada-lah sambongan kapada kebal besar bawah tanah dari Bandar Brunei ka-Batu 12 Jalan Tutong.

Pusat Belia di-buka bulan Julai

BANDAR BRUNEI. — Pusat Belia yang baru akan di-rasmikan pembukaannya dalam bulan Julai hadapan bersempena menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Jabatan Kebajikan Masyarakat sedang menyusun rancangan bagi upacara tersebut dan kerja melengkapkan alat perabot dan pemasangan lain2 alat di-pusat itu sedang dijalankan.

Bangunan Pusat Belia yang di-bena bertentangan dengan Lapau dan Dewan Majlis itu telah menelan belanja kira2 \$2.2 juta.

Bangunan itu mengandungi sa-buah dewan yang boleh menampung kira2 1,000 orang sa-buah gymnasium, bilek rehat dan tempat makan dan dua buah asrama berasingan untuk lelaki dan perempuan.

Kerja2 membena bangunan tersebut telah di-mulakan dalam bulan Ogos 1967 sa-telah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Di-Pertuan, yang pada masa itu sa-bagai Pengiran Muda Mahkota, meletakkan batu asas bangunan tersebut.

Sa-bahagian dari kebel itu akan mengganti kawat atas yang menyeberangi sawah2 padi ka-Mulaut.

Jabatan Letrik juga sedang menjalankan kerja menyambung bekalan letrik ka-ru-mah2 di-antara Sekolah Melayu Jerudong dan Kampong Jerudong.

Baru2 ini Bekalan letrik telah di-berikan kepada Ladang ternakan binatang Jabatan Pertanian di-Jerudong.

Hari Pelajar Sekolah2 Melayu seluruh negeri bulan depan

BANDAR BRUNEI. — Semua sekolah2 Melayu di-seluruh negeri akan mengadakan Hari Pelajar dalam bulan hadapan.

Ia-nya akan di-rasmikan pada 7 Jun dengan perhimpunan yang akan di-adakan di-Padang Besar Bandar Brunei.

Beribu2 orang kanak2 sekolah dari seluruh negeri di-jadualkan menghadiri perhimpunan tersebut.

Tujuh kumpulan murid2 yang di-pilih untuk mewakili sekolah2 Melayu di-negeri ini juga akan mengadakan pertunjukkan perbarisan di-perhimpunan tersebut.

Kemunchak dari acara pada hari itu ia-lah tarian2 kebudayaan yang akan di-persembahkan oleh kanak2 sekolah.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, Hari Pelajar itu akan di-adakan oleh sekolah2 Melayu pada tarikh2 yang berlainan.

Sa-masa Hari Pelajar itu



di-adakan ibu2 bapa dan penjaga kanak2 ada-lah di-persilakan hadir ka-sekolah2 untuk melihat sendiri kegiatan2 anak2 mereka.

Juruchakap itu menambahkan, sa-lain dari itu ibu2 bapa dan penjaga juga di-beri peluang untuk membuat pandangan bagi memperbaiki lagi taraf pelajaran di-negeri ini.

Pengiran Yakob bin Pengiran Haji Mohammad, sa-orang guru dari Brunei (no 3 dari kiri) kelihatan sedang menjalani kursus penerbitan rancangan di-salah sa-buah studio B.B.C. London bersama2 dengan peserta2 dari Malaysia, Botswana dan Guyana.

Pengiran Yakob sekarang ini sedang menjalani kursus Penerbitan Rancangan Ka-Sekolah2 di-United Kingdom atas biasiswa kerajaan sa-lama tiga bulan.

BATU KELIKIR DI-GUNAKAN BAGI PROJEK JALAN RAYA

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan telah memberikan tender kepada Sharikat Butir Sendirian Berhad untuk membekalkan batu kelikir tempatan yang belum hanchor berharga kira2 \$500,000.

Batu kelikir itu akan di-gunakan bagi pembenaan dan pemeliharaan jalan2 raya di-seluruh negeri.

Jabatan Kerja Raya sedang menjalankan beberapa projek jalan raya di-daerah2 Be-

lait; Tutong dan Brunei/Muara.

Projek pembenaan jalan raya di-Daerah Belait meliputi pembenaan jalan2 baru sepanjang 27 batu, termasuk jalan yang ada sekarang dari Bukit Puan ka-satu tempat melalui Rampayoh. Projek itu yang di-mulakan dalam tahun 1960, di-anggarkan menelan belanja \$13 juta dan akan siap dalam tahun 1971 atau 1972.

Di-daerah Tutong, kerja2 memperbaiki jalan sepanjang dua batu dari batu 26 Jalan Tutong hingga ka-Pantai Penanjong, sedang di-jalankan dan sebatang jalan baru juga sedang di-bena di-Lamunin.

Projek untuk menghubungkan jalan raya Brunei/Muara di-Kampong Kapok kira2 empat batu dari Muara, sedang berjalan lancar.

4,191 orang sedang menerima penchen tua

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Penchen Negara telah membayar sa-banyak \$87,570 sa-tiap bulan sa-bagai penchen2 tua dan alaon kerana kesusahan.

Timbalan Penguasa Penchen, Awang Moksin bin Pukul berkata, sa-ramai 4,355 orang menerima penchen dan alaon sa-tiap bulan.

Dari jumlah tersebut, 4,191 orang yang berumur lebih dari 60 tahun yang menerima penchen2 tuan sa-banyak \$20.00 sa-bulan.

Jabatan Penchen juga membayar alaon2 kapada tanggungan2 orang yang menghidap penyakit tertentu yang menghalang mereka dari membuat sa-barang pekerjaan yang mendatangkan hasil.

Awang Moksin berkata, hanya terdapat sa-ramai 35

orang yang menghidap penyakit otak, 17 orang penghidap penyakit kusta dan 112 orang buta yang keluarga mereka menerima alaon2 dari jabatan itu.

Pameran lukisan dan pertukangan tangan sekolah2 Melayu

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pelajaran Brunei akan mengadakan satu Pameran Peraduan Lukisan dan Pertukangan Tangan terbuka kapada semua penuntut2 sekolah Rendah dan Menengah Melayu di-negeri ini.

Sa-orang Juruchakap di-Jabatan Pelajaran berkata, Pameran Peraduan lukisan dan Pertukangan Tangan perengkat Daerah di-mulai sa-rentak

dalam bulan Mei ini di-semua Sekolah Pusat masing2.

Juruchakap itu berkata, penang2 pertama, kedua dan ketiga dari Perengkat Daerah akan di-bawa ka-Pameran peraduan Perengkat Negeri yang akan di-adakan dalam bulan Jun ini di-Bandar Brunei.

Orang ramai terutama kapada ibu bapa ada-lah di-persilakan hadir untuk menyaksikan pameran tersebut.

RASULLAH s.a.w. telah bersabda — النظافة من الإيمان — yang bermaksud bahawa kebersehan itu sa-bahagian daripada iman.

Agama Islam sangatlah mengambil berat mengenai dengan soal kebersehan, kita umat Islam di-perintahkan supaya membersekan diri, membersekan pakaian, membersekan tempat daripada segala najis dan kekotoran sa-belum kita menghadapi Tohan ia-itu menunaikan sembahyang.

Kita di-perintahkan mengambil udhu' untuk membersekan anggota2 yang tertentu, kebersehan sa-lain daripada perkara2 yang dzahir itu sama-sama kita berdiri tegak hendak memulakan sembahyang, kita menghadapi kiblat dengan tidak dan keyakinan yang penoh di-tujukan kepada Allah, pada ketika itu kita membersekan jiwa dan ingatan kita kepada yang lain, bahkan jiwa dan ingatan kita hanya di-tujukan kepada Allah dengan penoh khusu dan tawadhu.

Sembahyang mengasoh kita supaya sentiasa berse, supaya kita sentiasa mensuchikan

Pembinaan empat buah jambatan di-simpang Muara

BANDAR BRUNEI — Kerja2 pembinaan empat buah jambatan batu, di-kawasan Perpindahan Simpang Muara, Daerah Brunei yang di-anggarkan menelan belanja \$137,650.00 itu, sedang di-jalankan menurut jadual, dan ia-nya di-jangka siap dalam masa enam bulan.

Jambatan2 konkret itu, akan menggantikan jambatan2 kayu yang lama di-kawasan itu, Sa-buah dari jambatan itu jarak 40 kaki panjang, sementara yang lain-nya 20 kaki panjang.

Sementara itu tiga buah lagi jambatan batu antara Andulau dan Bukit Puan di-Ulu Belait yang berharga \$165,400.00, juga dalam pembinaan.

Jambatan2 itu ada-lah sa-bahagian dari projek jalan raya Liang-Labi dan ia-nya di-jangka siap dalam masa 12 bulan.

KEBERSEHAN SA-BAHAGIAN DARIPADA IMAN

KHUTBAH JUMA'AT

Sembahyang mengasoh kita supaya sentiasa berse—supaya kita sentiasa mensuchikan diri dari segala kekotoran, baik yang dzahir mahupun yang bathin

diri dari segala kekotoran, baik yang dzahir mahu pun yang bathin.

Membersekan kekotoran dzahir mengandungi suchi pakaian, suchi badan, suchi tempat daripada segala najis dan hadas, bersekan makanan dan minuman dari kekotoran dan najis, jauhkan diri dari benda2 yang di-haramkan, kerana bagaimana keadaan kita akan mengadap Tohan dalam menunaikan sembahyang sedangkan diri kita di-penohi dengan makanan dan minuman yang haram, sedangkan perkara2 itu ada-lah tidak disukai oleh Allah.

Kebersehan bathin mengandungi berse hati kepada Allah,

tidak ada penyakit dengki khianat, dusa, tipu dan yang sa-umpama-nya yang boleh menguturi bathin-nya.

Hadis Rasullullah s.a.w. yang di-nyatakan tadi bahawa kebersehan itu sa-bahagian daripada iman sangatlah besar arti-nya dalam kehidupan kita sa-hari2, jika kita perhatikan dengan sungguh2, kerana iman yang benar2 dan bergelora akan mempengaruhi segala pergerakan kita, perbuatan kita dan perkataan kita, iman yang subur menghendaki kebersehan, kerana kebersehan itu sa-bahagian daripada-nya.

Oleh yang demikian mari-lah kita menjunjung ajaran Agama kita supaya kita sen-



tiasa mengamalkan kebersehan, supaya kita membersekan diri kita daripada kekotoran, dan supaya kita menjauhkan diri kita daripada kekotoran2 itu baik yang dzahir mahu pun yang bathin.

Peraduan berzanji sambut Maulud

BANDAR BRUNEI — Jabatan Hal Ehwal Agama akan menganjurkan satu peraduan Berzanji sa-bagai salah satu dari ranchangan perayaan bagi menyambut hari keputeraan Nabi Mohammad dalam bulan Jun hadapan.

Peraduan tersebut ada-lah terbuka kepada orang ramai lelaki dan perempuan.

Ia-nya akan di-jalankan dalam dua peringkat ia-itu peringkat daerah dan peringkat negeri.

Daerah Brunei akan mengadakan peraduan tersebut pada 22 Mei di-Madrasah Bandar Brunei mulai jam 7.30 malam.

Peringkat negeri akan diadakan di-Lagoon Masjid Omar Ali Saifuddin di-Bandar Brunei pada 2 Jun ini.

Dua orang peserta lelaki dan dua orang peserta perempuan dari Daerah Brunei-Muara dan sa-orang peserta lelaki dan sa-orang peserta perempuan dari lain2 daerah akan mewakili daerah masing2 ke-peraduan akhir itu.

Peserta2 dari Daerah Brunei—Muara hendak-lah menghantar permohonan mereka kepada Setia Usaha Peraduan Berzanji di-alamat, Jabatan Hal Ehwal Agama, Bandar Brunei, sementara peserta2 di-lain daerah hendak-lah membuat permohonan dengan pejabat2 agama di-daerah masing2.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 21 Mei, 1969 hingga ka-hari Selasa 27 Mei, 1969 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
21 Mei	12-23	3-41	6-33	7-45	4-37	4-51	6-05	
22 Mei	12-23	3-41	6-33	7-45	4-37	4-51	6-05	
23 Mei	12-23	3-41	6-33	7-45	4-37	4-51	6-05	
24 Mei	12-23	3-41	6-33	7-45	4-37	4-51	6-05	
25 Mei	12-23	3-41	6-33	7-45	4-37	4-51	6-05	
26 Mei	12-23	3-42	6-34	7-46	4-36	4-51	6-06	
27 Mei	12-23	3-42	6-34	7-46	4-36	4-51	6-06	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

21 Mei, 1969

PERUBAHAN SAMBUTAN MAULUD NABI

SATU perubahan yang mungkin mendatangkan "rasa terkejut" dan mungkin juga menimbulkan riaksi tidak puas hati ialah berikutan dengan perubahan besar dalam sambutan Maulud Nabi Mohammad s.a.w. yang akan berlangsung pada 29 Mei, 1969 ini.

Jawatankuasa sambutan itu telah memutuskan "tidak akan mengadakan peraduan" dalam perarakan yang biasanya diadakan sejak beberapa tahun yang lalu hingga-lah tahun lepas. Tahun lepas adalah merupakan tamat-nya riwayat peraduan perarakan dalam sambutan Maulud Nabi Mohammad s.a.w.

Setia Usaha sambutan itu, Awang Haji Tarif telah memberikan penerangan melalui temu-ramah radio baharu2 ini mengenai sambutan dan sebab2 mengapa peraduan itu tidak diadakan lagi.

Kita kira bahawa dengan penerangan beliau itu adalah amat menchukupi jika hanya mau mencari sebab2 yang boleh di-anggap konkrit berhubung dengan langkah tidak mengadakan peraduan itu.

Tetapi satu alasan yang amat padu kenapa peraduan itu tidak diadakan ialah "untuk melihat kesedaran umat Islam di-negeri ini terhadap ugama dan pemimpin agong mereka."

Walaupun langkah ini bukanlah merupakan satu langkah yang ilmiah dalam soal melihat kesedaran tersebut, tetapi sekurang2-nya dapat membantu menanamkan semangat kesedaran itu — ia-itu kesedaran yang asli yang tidak di-chelup oleh pengaruh2 mata benda, mencari keuntungan atau pun mengharapakan balasan.

Ada-lah satu hakikat yang tinggi nilai-nya bahawa seseorang, satu kelompok, satu kumpulan atau satu angkatan yang besar yang memperjuangkan ketinggian nilai dan kesucian Ugama Islam ada-lah tidak sekali2 mengharapakan balasan, penghargaan, sanjungan atau pun pujian. kerana hal itu ada-lah merupakan perjuangan yang semesti-nya dilakukan atau kewajiban yang mesti di-pikul oleh umat Islam.

Maka perarakan kerana memperingati kelahiran pemimpin agong Umat Islam itu ada-lah merupakan huraiian dari pandangan di-atas.

Apakah dengan perarakan tanpa peraduan itu akan menurunkan nilai kemeriahan sambutan tersebut?

Tahun lepas sa-ramai hampir2 7,500 orang dari 74 pasokan telah mengambil bahagian.

Apakah tahun ini jumlah itu bertambah atau berkurang?


Soal ini tentu-nya dapat dijawab oleh peserta2 yang mengambil bahagian tahun lepas dan sama2-lah kita ikuti pada 29 Mei ini.



▲ Pegawai2 perakam dan juru kira sedang bertugas dengan penoh hati2.

▶ Lompat Jauh di-menangi oleh Kaptan Karim dari pasokan "C" Kompeni yang kelihatan sedang menerima piala kemenangan-nya dari Puan Simpson.

▼ Lari berganti2 4x100 meter telah di-menangi oleh "D" Kompeni.



SOKAN AMDB: "B" KOMPENI MUNCHUL SA-BAGAI JOHAN

SERIA — Pasokan 'B' Kompeni telah munchol menjadi johan dalam sokan tahunan Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei yang telah berlangsung di-gelanggang sokan Seria pada hari Rabu dan Khamis yang lalu.

Sa-banyak tujuh kompeni ia-itu 'A' Kompeni, B, C, D, Kompeni Headquarters, Kompeni Pembantu dan Pasokan Laut telah mengambil bahagian dalam sokan itu.

Sa-banyak 16 jenis perlawanan telah di-pertandingkan dan lima rekod baru telah di-chipta semantara tiga rekod sama dalam perlawanan itu.

Private Wahid dari pasokan Kompeni Headquarters telah menchipta dua rekod baru dalam bahagian lari jarak jauh ia-itu lari 1,500 meter dan 5,000 meter.

Dalam lari 1,500 meter Private Wahid telah membuat masa 4 minit 42.2 sa'at sementara dalam lari 5,000 meter dengan masa 18 minit 30.2 sa'at.

Kopral Salam dari pasokan 'B' Kompeni telah menchipta satu rekod baru dalam bahagian Lompat Kijang dengan lompatan-nya sa-jauh 42 kaki satu inci.

Kopral Salam telah juga membuat tiga rekod yang sama dalam bahagian Lompat Tinggi, lari 100 meter dan lari lompat pagar 110 meter.

Kopral Mohammed dari pasokan Kompeni Pembantu telah membuat satu rekod baru dalam bahagian Lompat Bergalah dengan tinggi lompatan-nya 10 kaki 3 inci.

Sementara Leftnan Pengiran Abidin dari Pasokan Headquarters telah menchipta rekod baru dalam bahagian Lontar Lembing dengan lontaran 133 kaki 6 inci.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Puan Simpson, isteri Pegawai Pemerintah pasokan itu di-akhir per-




▲ Johan antara Kompeni2 AMDB, di-menangi oleh "B" Kompeni. Ketua Pasokan Kaptan Yusof Said sedang menerima piala kejohanan yang di-sampaikan oleh Puan Simpson.

▼ Kopral Awangku Sulaiman dari Pasokan Laut, telah berjaya menjadi Johan dalam bahagian buang peluru.



4 orang pegawai pengiraan masa bersedia ketika menunggu perlumbaan 1,500 meter di-mulakan.



Gambar atas kelihatan peserta2 dalam bahagian 5,000 meter ketika memulakan perlumbaan.




Perlumbaan 4 x 400 meter berganti2 ketika pusingan yang terakhir.



▲ Lompat Kijang di-menangi oleh "B" Kompeni dengan lompatan 42 kaki satu inci yang di-chipta oleh Kopral Salam yang kelihatan sedang membuat lompatan yang terakhir.

▼ 4 x 400 meter berganti2 di-menangi oleh "B" Kompeni, kelihatan di-depan ia-lah Private Sinin Metali dan di-ikuti oleh Private Samri dari "C" Kompeni.



HALAMAN PELAJAR

ADAPUN tajuk renongan kita dalam ruangan pelajar ini ia-lah berupa suatu soalan yang berbunyi "apa dia puisi?"

Banyak penyaer2 maupun kritikus2 yang telah chuba memenakan maana-nya, tetapi belum ada sa-orang pun yang benar2 berjaya. Sebab, istilah puisi itu tidak dapat di-taarfikan dalam arti yang sa-lengkap2-nya. Namun ia-nya tidak-lah pula menyusahkan kita sama sekali. Apa dia hidup? Bahkan sa-orang pakar ilmu hayat yang terhandal pun tidak dapat mengertikan-nya dengan sa-sempurna2-nya. Apa dia chinta? Dia-nya tidak juga dapat di-artikan.

Walaupun demikian kita hidup dan kita mengasehi satu sama lain.

Maka demikian juga-lah dengan puisi. Walaupun kita tidak dapat mendefinisikan-nya, kita dapat belajar mengenali-nya dan memperolehi kepuasan serta ilham daripadanya.

Pada 'am-nya "puisi" mempunyai tiga sifat atau pokok yang utama: ia-itu-lah Khayal (imajinasi); perasaan (emosi); dan muzik. Sa-barang di-mana ketiga2-nya unsur tadi terdapat dalam kata2 yang di-penakan, maka di-sana pula-lah terdapat "puisi."

Pokok perpuisian pertama ia-lah khayal (imajinasi) atau pun penglihatan — kadang-kala di-samakan dengan wahyu dalam arti melihat seperti dalam khayal.

Sa-saorang poetis yang handal dapat dengan puisi-nya

menyebabkan kita melihat apa yang di-lihat-nya. Dia dapat menyebabkan kita melihat rahsia kemushkilan dan maana rohaniah daripada perkara2 yang pada kita nampak-nya biasa sahaja. Dan, dia dapat pula mendekatkan kepada kita rahsia2 kemushkilan hidup yang bagi kita luar biasa, sa-olah2 apa yang tak ujud ia-itu "abstrak" menjadi ujud ia-itu "konkrit" di-depan mata, jasmani, rohani kita.

Pokok perpuisian kedua ia-lah perasaan ataupun emosi. Kalau-lah prosa (karangan nathar) berkata2 kepada kepala atau fikiran kita, maka puisi (karangan berangkap) berkata2 kepada hati atau perasaan kita.

Sa-saorang poetis yang handal dapat dengan puisi-nya menyebabkan kita merasai apa yang di-rasakan-nya. Dia dapat menyebabkan kita merasai perasaan-nya ketika dia menggubah sajak-nya, sa-olah2 panchaindera-nya panchaindera kita — dia dan kita sama2 mengalami suka dukanya dalam menghadapi masa-

APA DIA PUISI

OLEH:

Awang Raymond Phua Kim Hong

alah2 hidup-nya sa-hari hari.

Dan pokok perpuisian ketiga ia-lah muzik. Sa-saorang poetis yang hadal memileh kata2-nya, bukan sahaja bagi mendapatkan maana yang selaras dengan buah fikiran kandungan kalbu-nya, tetapi juga bagi persamaan bunyi-nya. Dia menyusun kata2-nya bagi menimbulkan "muzik kata2" dengan irama-nya yang indah di-dengar anak telinga. Sa-bagaimana kata orang "prosa berkata2 — puisi berbunyi". Memang tentu, dalam menyanyikan buah pena-nya tadi kita para pembacha pun ikut rasa-nya bernyanyi dalam hati masing2. Bukankah demikian?

Dalam perpuisian moden apa lagi sajak2 bebas, pokok perpuisian ketiga itu sudah agak di-ketepikan di-mana penyajak2 bebas sa-bagai ganti-nya memakai kata2 berjiwa - hidup - dinamik - bombasti ataupun stilistika.

Lihat-lah umpama-nya dalam sajak2 bebas gubahan Khiril Anwar, Pelopor Angkatan 45 Sastera Indonesia. Dan sudah barang tentu pula bahawa keindahan persajakan bebas ini punya tempat tersendiri sa-bagaimana dengan sajak2 lama gubahan Amir Hamzah, Raja Penyaer Angkatan Baru Sastera Indonesia.

Berbalek kepada tajuk renongan kita "apa dia puisi?", maka dapat-lah kira-nya kita mengambil kesimpulan baha-

wa "puisi" ada-lah sa-bagai mata-ayer yang melimpah2 dari perasaan (emosi) yang di-galakkan oleh khayal (imajinasi) atau visi, dan yang menyatakan diri-nya dalam bentuk "muzik kata2."

Dan dapat-lah juga di-katakan bahawa "puisi" ada-lah chara pertuturan yang termulia-halus. Dan belajar menikmati puisi itu ada-lah sabarnya suatu pendidekan liberal (dermawan).

Sa-bagai penutup, chubalah renongan sajak berikut dan tinjau-lah dari segi ketiga2-nya aspek-pokok perpuisian yang telah pun saya sebutkan sa-bermula ia-itu-lah khayal (imajinasi), perasaan (emosi) dan muzik-nya (yang besar faedah-nya bagi santapan mental (fikiran).

SEMBAHYANG

*Kemumu di-dalam semak
jatuh melayang selara-nya
meski ilmu sa-tinggi tegak
Tidak sembahyang apa guna-nya*

*Orang bayang pergi mengaji
Kechubad jalan ka-pantai
meninggalkan sembahyang jadi
berani
saperti badan takkan mati
Banyak-lah masa antara masa
tidak sa-elok masa bersuka
meninggalkan sembahyang jadi
biasa
tidak takut api-neraka?
Asam kandis asam gelugur
ketiga asam riang2
menangis di-pintu kubur
teringat badan tidak sembahyang.*

Lawatan peladang Serasa ka-Pusat Pertanian Kilanas

KILANAS. — Sa-ramai 43 orang ahli Persatuan Peladang Kampong Serasa, Muara termasuk 15 orang perempuan telah melawat ka-Pusat Pertanian dan ladang ternakan binatang di-Jerudong pada hari Sabtu lepas.

Peladang2 itu telah di-sambut oleh pegawai2 kanan Jabatan Pertanian yang membawa mereka mengunjungi beberapa tempat.

Di-Pusat Pertanian Kilanas peladang2 itu telah di-beri penerangan mengenai semua aspek chara berchuchok tanam dan lain2 termasuk chara penanaman padi oleh Awang Solomon Soh dan mengenai penyuburan tanam2an oleh Awang Johan bin Untak, pegawai penjaga pusat pertanian itu.

Di-Ladang ternakan binatang, Jerudong, peladang2 itu di-beri penerangan mengenai semua aspek menternak binatang.

Kemudian-nya peladang2 itu telah di-bawa ka-pusat pertanian Sharikat Minyak Shell di-Senaut.

Lawatan itu ada-lah sa-bahagian dari kursus pertanian sa-lama sa-minggu yang bermula pada 12 Mei yang di-anjarkan oleh Jabatan Pertanian.



Gambar atas menunjukkan ahli2 Persatuan Peladang Kampong Serasa sedang di-tunjukkan chara2 menanam pokok oleh Pegawai Penjaga Pusat Pertanian Kilanas, Awang Johan bin Untak ketika peladang2 itu melawat pusat tersebut pada hari Sabtu lepas.

Perlawanan tinju di-adakan bulan Julai

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Tinju Amateur Negeri Brunei telah mengumumkan bahawa kejohanan tinju bagi orang2 baru akan di-adakan pada penghujung bulan Julai ini dan bukan dalam bulan ini sa-bagaimana yang telah di-umumkan terlebih dulu.

Setia Usaha persatuan itu, Awang S. Palaniandy berkata, sa-lepas kejohanan orang2 baru itu persatuan itu akan mengadakan kejohanan sa-negeri dalam bulan Ogos akan datang.

Pemenang2 dalam berbagai bahagian akan mewakili Brunei ka-perlawanan bagi merebut Piala Gibson yang akan di-adakan di-Labuan dalam bulan Ogos.

Ahli2 tinju Brunei kemudian-nya akan mengambil bahagian dalam peraduan antara wilayah bagi piala Sharikat Penerbangan Cathay Pacific yang akan di-adakan di-Sibu pada 22 dan 23 Ogos.

Awang Palaniandy menambakata, persatuan itu akan menghantar satu pasukan ka-Kuala Lumpur dalam bulan Oktober untuk menyertai dalam kejohanan tinju amateur Asia yang ka-empat.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Pegawai Perusahaan Kampong

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang menjadi ra'ayat atau yang berhak di-daftarkan sebagai raa'yat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan2 sa-bagai Pegawai Perusahaan kampong di-Jabatan Pertanian, Brunei.

Kelayakan2:

Chalun2 mesti-lah perempuan yang berumur di-antara 18 dan 25 tahun dan lulus sekurang2-nya Tingkatan II Ingeris dan Darjah V Sekolah Melayu. Mereka mesti bersedia untuk pergi ka-kampong2 di-luar bandar dan sanggup melanjutkan pelajaran di-luar negeri.

TUGAS:

Mengajar kaum ibu dalam urusan2 saperti masak memasak, perkara2 yang berhubung dengan zat makanan, kebersihan, menjaga bayi, jahit menjahit dan chara2 berkebun sayur.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2 EB 3 — \$210x10-270x15 — 360/EB/380x20 480. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 28 Mei, 1969.

SA-BAGAI JURU TEKNIK PELAJARAN KESIHATAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat dalam jawatan tetap bagi jawatan Juru Teknik Pelajaran Kesihatan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan D.4 \$500 x 20 - 620.

- (1) Chalun2 mesti-lah raayat atau pun berhak di-daftarkan sa-bagai Raayat D.Y.M.M. Sultan.
- (2) Mesti-lah lulus L.C.E. (aliran Inggeris) atau pun yang sebanding dengan-nya.
- (3) Mesti mahir berchakap dalam bahasa Melayu dan boleh berchakap dengan terang, terutama sekali di-hadapan kumpulan orang ramai atau pun di-pertemuan2 yang di-ator-kan di-sekolah2.
- (4) Mesti berumur di-antara 20 hingga 30 tahun.
- (5) Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja2 Perubatan dan Kesihatan dan Perkhidmatan Penerangan Awam, serta bersedia untuk pergi ka-mana2 saja dalam negeri apabila di-kehendaki.

Pemohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2

yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 5 Jun, 1969.

Sa-bagai Pegawai Kastam

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang menjadi Raayat Duli Yang Maha Mulia Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sa-bagai Raayat D.Y.M.M. Sultan, bagi jawatan2 Pegawai Kastam di-Jabatan Kastam, Brunei.

Kelayakan2:

Lulus Tingkatan III Inggeris atau yang sebanding, Mengetahui Bahasa Melayu.

Umor:

Di-antara 18 tahun dan 28 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$210 x 10 - 270 x 15 - 315 /Exam/330 x 15-360 x 20 - 480/EB/500 x 20 - 620.

Pemohonan2 daripada pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan Chatetan2 Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 2 Jun, 1969.

Sa-bagai Juru Trengkas Melayu

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat dalam jawatan tetap bagi memenohi jawatan Juru Trengkas Melayu di-Jabatan Muzium, Brunei.

Gaji:


Dalam sukatan gaji D.3 EB 4 — \$380 x 20 - 480/EB/500 x 20 - 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Hanya orang2 yang mempunyai kelayakan2 yang berikut di-kehendaki memohon:—

Pemohon2 mesti-lah boleh menulis tulisan trengkas Melayu sa-laju sekurang2-nya 80 perkataan sa-minit dan boleh menaip sekurang2-nya 40 perkataan sa-minit.

Pemohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 5 Jun, 1969.



78 ORANG DI-KURNIAKAN BINTANG2 DAN PINGAT2

(DARI MUKA 1)

Mereka ia-lah Yang Di-Mulia-kan Begawan Pehin Khatib Haji Abdul Momin bin Tarip, Yang Di-Mulia-kan Begawan Pehin Khatib Haji Sulaiman bin Metas-sim, Yang Di-Mulia-kan Begawan Pehin Khatib Haji Mokhsin bin Khatib Haji Othman, Yang Mulia Pengiran Datu Penghulu, Pengi-Haji Apong bin Pengiran Saifud-din, Yang Di-Mulia-kan Pehin Si-Raja Khatib Awang Haji Abdul Hamid bin Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Awang Md. Jaafar, Yang Di-Mulia-kan Pehin Udana Khatib Awang Haji Tam-in bin Abdul Hamid dan Yang Di-Mulia-kan Orang Kaya Derma Wajaya Awang Haji Tamit bin Aspar.

Lain2 yang telah di-kurniakan bintang2 dan pingat pada hari itu ada-lah seperti berikut:

Darjah Mahkota Brunei

Yang Amat Di-Hormati

Darjah Ketiga — S.M.B.

Yang Di-Mulia-kan, Mudim Haji Hassan bin Mat Serudin, Yang Di-Mulia-kan, Begawan Mudim Haji Abu Bakar bin Mohd. Salleh, Dayang Hajjah Amadah Untong dan Dayang Sister A. Fong.

Darjah Setia Negara Brunei

Yang Amat Bahagia

Darjah Ke-empat — P.S.B.

C/Sgt. Awang Ibrahim bin Mo-hammad, C/Sgt. Awang Samad bin Hj. A. Yusof (1967), S/Sgt. Awang Ahmad Sani bin Haji Md. Asri, Yang Di-Mulia-kan, Orang Kaya Pekerma Indera Awang Jili bin Ibrahim, Awang Yusof bin Ajak dan Dayang Maisalamah binte Tahir.

Pingat Hassanal Bolkiah Sultan

Pangkat Pertama — P.H.B.S. I

Yang Di-Mulia-kan, Penyurat Haji Abu Bakar bin Jambul, Marbut Haji Omar bin Sa'at, Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Maharaja Di-Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Awang Haji Mohd. Taha dan Awang Haji Talib bin Derwish.

Pingat Hassanal Bolkiah Sultan

Pangkat Kedua — P.H.B.S. II

Awang Roslee Teo Kim Yau, Dayang (Mrs.) Alice Teo Kim Yau, dan Dayang (Mrs.) S.J. Mac-Intyre.

Pingat Kerja Lama

Yang Amat Mulia, Pengiran Kerma Negara, Pengiran Anak Abdul Wahab bin Pengiran Sabtu

Kemaluddin, Awang Haji Mohd. Ali bin Ahmad, Pengiran Sahari bin Pengiran Ahmad, Awang Ta-lib bin Meramit, Awang Subaili bin Ali, Awang Abidin bin Awang, Awang Hj. Dagang bin Timbang, Awang Rajab bin Hj. Jumat, Awang Momin bin Sunggoh, Awang Salam bin Dagang, Pengiran Tajuddin bin Pengiran Pengiran Alim, Awang Ibrahim bin Ahmad, Awang Tahir bin Ajak, Awang Wahab bin Sulaiman, Awang Wahib bin Sulaiman, Ak. Othman bin Pengiran Ismail, Awang Banta bin Anjor, Awang Idris bin Wahab, Pengiran Md. Salleh bin Pengiran Md. Tahir, Ak. Abd. Rahman bin Pengiran Ahmad dan Awang Abd. Latif bin OKM Hj. Hassan, Pengiran Md. Hassan bin Pengiran Anak Sabtu, Awang Md. Zain bin Bakar, Awang Abd. Hamid bin Chu-chu, Awang Kefli bin Bujang, Awang Md. Taha bin Abdul Rauf, Awang Masri bin Datu H. Mohd. Yusuf, Awang Ibrahim bin Hj. Md. Said, Awang Md. Yusof bin Kajan, Awang Abd. Wahid bin P.H.A. Bakar, Awang Hj. Abd. Hamid bin Ya'akub, Awang Mohd. Hassan bin Sunggoh, Awang Julaihi bin Sulaiman, Awang Besar bin Serudin, Awang Abd. Rahman bin Ja'afar, Awang Abd. Majid bin Yahya, Awang Hamdani bin Hj. Abd. Rahman, Awang Subaili bin Umar, Awang Asahari bin Abang Ahmad, Awang Ahmad bin H. Bakir, Pengiran Hj. Mohamad bin D.P.B. Abd. Rahman dan Awang Md. Salleh bin Abd. Latif.

Pingat Jasa Kebaktian

Awang V.R. Veerappan.

Pingat Perjuangan

Awang Roslee Teo Kim Yau, Awang Ismail bin Mokti, Awang Mohd. Jais bin Dato' Kerna Haji Jaya Awang Ibrahim bin Jamudin, dan Awang Ibrahim bin Kula.

"TATODERAMA" sambut Maulud

BANDAR BRUNEI. — Per-satuan Angkatan Belia Bu-rong Pinggai, Berakas — PERANGKAP — akan mengadakan sambutan hari keputeraan Nabi Mohammad s.a.w. pada 31 Mei ini mulai jam 8.00 malam bertempat di-Bangunan Persatuan itu.

Sa-lain dari sharahan khas mengenai riwayat hidup dan perjuangan Nabi Mohammad, berbagai acara juga akan di-persembahkan pada malam itu.

Sa-buah derama sejarah yang mengesahkan pahlawan2 Brunei mengisur keluar orang Sepanyol ketika mereka chu-ba mengembangkan agama Kristian di-negeri ini.

Kesah sejarah itu akan di-tunjukkan melalui persem-bahan yang berupa 'TATO-DERAMA' yang akan di-ada-kan pada malam itu.

Orang ramai terutama pen-duduk2 Kampong yang ber-dekatan ada-lah di-persilakan menyaksikan persembahan ter-sebut.



Abdullah bin Abd. Rahman dari Rumah Pelandok sedang menerima perisai rebutan kerana kejayaan-nya menjadi johan dalam lumba lari jarak jauh 5,000 meter dari Penulong Menteri Pelajaran Y.B. Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking.



Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Malcolm Mac-Innes merasmikan sokan tersebut dengan melepaskan tembakan sabanyak 4 das.

Peraduan Bintang Radio 1969

BANDAR BRUNEI. — Bahagian Melayu Radio Brunei akan meng-anjarkan Peraduan Bintang Radio 1969 dalam bulan Ogos yang akan datang.

Peraduan tersebut akan di-bahagikan kepada dua bahagian ia-itu bahagian Asli dan Lang-gam.

Peserta2 yang ingin mengambil bahagian dalam peraduan itu mesti-lah raayat Brunei.

Peserta2 lelaki mesti-lah ber-umur lebih dari 18 tahun dan pe-serta2 perempuan mesti-lah tidak kurang dari 15 tahun.

Borang2 masuk bertanding bo-leh di-dapati dari Penulong Pe-gawai Daerah Temburong, Pegawai Luar Jabatan Penyiaran dan Penerangan di-Tutong, Juruteknik Kanan Penyiaran dan Peneran-gan di-Kuala Belait dan dari Ba-hagian Melayu Radio Brunei di-Bandar Brunei.

Borang2 masuk hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 4 Jun, 1969.

Peraduan bahath

PEKAN TUTONG. — Persa-tuan Melayu Keriam — PE-SAKA — akan mengadakan peraduan bahath terbuka ka-pada semua persatuan belia di-negeri ini.

Peraduan tersebut akan di-adakan dalam dua peringkat ia-itu peringkat daerah dan peringkat negeri.

Peringkat Daerah akan di-adakan dalam awal bulan Ju-lai hadapan sementara Pereng-kat Negeri di-adakan dalam bulan Ogos.

Bayaran masuk untuk men-tyertai peraduan tersebut ia-

anjan PESAKA

lah \$5.00 bagi tiap2 satu pa-sokan.

Borang2 masuk bertanding boleh di-dapati dari Awang Aliddin bin Kura, di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bandar Brunei, Awang Kani bin Mohammad Said, di-Se-kolah Melayu Muda Hashim. Tutong dan Awang Ahmad Shah bin Abdul Rahman, di-Maktab Anthony Abell, Se-ria.

Borang2 yang telah di-isi-kan bersama2 wang bayaran masuk hendak-lah di-kembali-kan tidak lewat dari 2 Jun, 1969.

Sokan tahunan S.M.M.P. Pusat

BANDAR BRUNEI. — Ru-mah Seladang telah munchul menjadi johan dalam sokan tahunan Sekolah Menengah Melayu Pertama yang telah berlangsung di-Padang Besar Bandar Brunei pada hari Ahad lepas.

Sokan tersebut di-rasmikan oleh Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Malcolm Mac-Innes.

Sa-ramai 105 orang peserta lelaki dan perempuan telah mengambil bahagian dalam sokan tersebut.

Sa-banyak 15 perlawanan dan dua perlawanan terbuka telah di-pertandingkan pada hari itu.

Tiga buah rekod baru telah di-chipta.

Dalam lumba lari berganti2 4x100 meter terbuka kepada sekolah2, Sekolah Melayu Menengah Pertama, Bandar Brunei telah menjadi johan dalam bahagian lelaki dan Sekolah Tinggi Raja Isteri, Bandar Brunei dalam ba-hagian perempuan.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Penulong Menteri Pe-lajaran Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking.